



## MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja – kerja seperti yang berikut:-

Tajuk Projek	Taraf Jenis Syarikat*	Kelas Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
CADANGAN PENYELENGGARAAN LONGKANG MONSUN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN VISTA JAYA, PORT DICKSON.  No. Tender: T0001/23	BUMIPUTERA	Kelas : G3 Kategori : CE Pengkhususan : CE 01 & CE 21	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson.  <b>19.6.2023 (Isnin) hingga 10.7.2023 (Isnin)</b>	<b>RM 468.65 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</b>	Peti Tender Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson.  Tarikh: <b>10.7.2023 (Isnin)</b>  Jam: 12.00 t/hari
<b>Sesi Taklimat dan Lawatan tapak diwajibkan. Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 19.6.2023 (ISNIN) 9.00 pagi. Taklimat bermula 9.15 pagi</b>					

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor, (MPPD) semasa waktu pejabat. Sila lawati laman web di <https://www.mppd.gov.my> untuk iklan tender ini.

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	- 8.30 pagi - 1.00 tengahari - 2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat	- 8.30 pagi - 12.15 tengahari

Kontraktor-kontraktor yang ingin memasuki tender ini hendaklah membawa sijil asal **SSM, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta **Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor Taraf Bumiputera (PKK)** yang belum tamat tempoh serta Kad Pengenalan dan Cap Syarikat semasa menghadiri taklimat dan pembelian dokumen tender. **Hanya penama yang terdapat di dalam Sijil PKK dibenarkan hadir dan membeli dokumen dan wakil tidak dibenarkan.**

Para petender yang ingin memasuki tawaran kerja berkenaan hendaklah berdaftar dengan MPPD sebelum tarikh sesi taklimat / lawatan tapak diadakan (**sebelum 19.6.2023**). Pembayaran pendaftaran adalah sebanyak RM50.00. Pembayaran bagi pembelian dokumen tender boleh dibuat dalam bentuk tunai / kad debit / kad kredit. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.


Dokumen tawaran yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan tawaran kerja yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tawaran.

Majlis Perbandaran Port Dickson **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang dokumen tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan Majlis Perbandaran Port Dickson berhak untuk membatalkan Tender Syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

\*PENDAFTARAN: T1 – Syarikat yang 100% milik tempatan (Warganegara)

# KENYATAAN TENDER T0001/23

Tandatangan :  .....

Nama Pegawai : MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Port Dickson .....

Jawatan : .....

Tarikh : 7 Jun 2023 .....